

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.06.2026 MASA: 6.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LAMPU LIMPAH PADANG BOLA  
SEPAK, KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI MBSP  
BERTAM, KEPALA BATAS

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 JUN 2026 (KHAMIS)  
8.15 MALAM**

**KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI MBSP, BERTAM  
KEPALA BATAS  
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican**  
ADUN Bertam

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri**  
Pengawai Daerah Seberang Perai Utara

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian**

.....

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Selamat Malam, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,**

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Lampu Limpah Padang Bola Sepak, Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Bertam, Kepala Batas.**
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat ADUN Bertam**, atas kesudian meluangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada malam ini. Kehadiran Yang Berhormat Dato' jelas mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkasa pembangunan komuniti serta penyediaan kemudahan sukan yang berkualiti untuk rakyat.
3. Setulus penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada dif-dif jemputan, para pemain, warga kerja MBSP serta seluruh warga Seberang Perai yang menghadiri majlis ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sentiasa dinamik, MBSP amat mementingkan kualiti hidup komuniti. Projek menaik taraf sistem pencahayaan padang bola sepak ini dilaksanakan dalam dua fasa yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1,360,139.00. Peruntukan bernilai jutaan ringgit ini merupakan sumbangan sepenuhnya daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui peruntukan Jabatan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2024 dan 2025.
5. Untuk makluman hadirin sekalian, skop teknikal projek ini merangkumi pemasangan 4 unit tiang lampu berketinggian 30 meter serta dilengkapi dengan 40 unit lampu limpah LED berkapasiti 1,200 watt, iaitu 10 unit bagi setiap tiang.
6. Tahniah diucapkan kepada kontraktor pelaksana, iaitu Firizq Engineering bagi Fasa 1 dan YMZ Electrical & Engineering bagi Fasa 2, yang telah berjaya menyiapkan projek ini mengikut spesifikasi serta piawaian yang ditetapkan.
7. Sebelum transformasi ini dilakukan, aktiviti sukan di padang ini sangat terhad dan terhenti apabila menjelang waktu maghrib. Kini, dengan adanya sistem pencahayaan LED yang terang, cekap tenaga dan memenuhi piawaian sukan semasa, penggunaan Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Bertam dapat dilanjutkan sehingga ke waktu malam. Ini membuka ruang yang lebih luas kepada orang

ramai, khususnya golongan belia, kelab-kelab bola sepak serta komuniti setempat untuk beriadah, menjalani latihan dan menganjurkan kejohanan dalam suasana yang lebih kondusif serta selamat.

8. Kemudahan ini bukan sekadar tentang infrastruktur fizikal, malahan ia adalah platform untuk menyemarakkan budaya hidup sihat, memupuk perpaduan kaum melalui sukan, serta menjauhkan golongan muda daripada aktiviti yang tidak sihat. MBSP komited untuk memastikan kompleks sukan ini diuruskan dengan tadbir urus yang profesional demi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna sentiasa terpelihara.
9. Saya menyeru kepada orang ramai agar dapat bersama-sama kita menjaga kemudahan yang bernilai tinggi ini dengan penuh rasa tanggungjawab. Elakkan sebarang bentuk vandalisme agar manfaatnya dapat dinikmati oleh generasi hari ini dan masa hadapan.
10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam merealisasikan projek ini. Semoga kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat

serta menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan dan kesejahteraan komuniti di Seberang Perai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***

***Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***